

21 APR 1998

DR MAHATHIR: JANGAN GUNA MASALAH EKONOMI UNTUK RAIH UNDI

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, masalah ekonomi sekarang ini perlu dihadapi oleh semua warga Malaysia dan tiada parti politik harus menggunakannya sebagai umpan untuk meraih undi.

Dr Mahathir berkata, beliau "dukacita" jika parti pembangkang DAP menggunakan kemelut ekonomi yang dihadapi oleh negara bagi kepentingan politiknya.

"Saya menaruh harapan yang mereka akan bekerjasama dengan kerajaan tetapi malangnya mereka hanya melihat peluang-peluang politik dalam kegetiran sekarang ini.

"Mereka tidak melihatnya sebagai sesuatu yang kita berdepan bersama-sama dan perlu berganding bahu dalam mengatasi masalah itu," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-British di sini.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang yang parti pembangkang itu akan memenangi lebih banyak kerusi dalam pilihan raya akan datang dengan krisis ekonomi menjadi agenda utama.

Dr Mahathir berkata, Barisan Nasional (BN) tidak akan menggunakan kemelut ekonomi sekarang ini untuk menambah kuasa politiknya.

Ditanya sama ada parti-parti pembangkang menghulurkan kerjasama, Dr Mahathir berkata: "Pada mulanya kita merasakan begitu tetapi kini jelas mereka hanya melihatnya sebagai peluang untuk memenangi lebih banyak kerusi.

"Jadi mereka menumpukan perhatian pada kerusi sementara kita menumpukan kepada usaha-usaha membantu ekonomi pulih walaupun kita mungkin tidak popular dalam proses itu."

-- BERNAMA

MAM PR